



PROGRESSIVE INSURANCE BHD

Registration No.: 197401001891 (19002-P)

6th, 9th & 10th Floor, Menara Cosway, Plaza Berjaya,
No. 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur
Tel: 03-21188000 Fax: 03-21188098, 21188100, 21188101 & 21188103
Website : www.progressiveinsurance.com.my

HELAIAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Helaiian Pemberitahuan Produk (PDS) ini direka untuk memberikan anda dengan beberapa maklumat penting tentang insurans Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda harus membacanya juga.

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) adalah skim insurans kemasukan hospital dan pembedahan yang diperbaharui setiap tahun bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pihak Majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat disebabkan oleh kemalangan ataupun penyakit.

2. Siapa yang layak?

Golongan yang layak untuk insurans di bawah polisi ini adalah pekerja asing yang bekerja pada masa sekarang/ masa hadapan secara sepenuh masa dengan pemegang polisi, berumur dari lapan belas (18) tahun sehingga lima puluh sembilan (59) tahun, yang masih aktif bekerja pada tarikh orang itu layak untuk menyertai polisi ini.

3. Apakah yang dilindungi/ manfaat yang diberikan?

Pelan ini meliputi manfaat-manfaat berikut:

PERKARA	MANFAAT	JUMLAH (RM)
1(a)	Bilik Hospital & Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran yang dikenakan – mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik & Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM 160 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat mengikut Akta Fi1951, Perintah Fi (Perubatan) (Kos Perkhidmatan) 2014 dan/atau pindaan berikutnya.
1(b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2.	Bekalan dan Khidmat Hospital	
3.	Bilik Bedah	
4.	Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi transplant organ)	
5.	Bayaran Pakar Bius	
6.	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
7.	Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
8.	Bayaran Ambulans/Bayaran Laporan Perubatan	
Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Perkara 1-8)		RM 20,000.00

Nota: (a) Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui polisi insurans setiap tahun.
(b) Penerangan di atas adalah maklumat ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang digunakan seperti yang dinyatakan di dalam kontrak polisi.

4. Berapakah premium yang harus dibayar?

Premium tahunan adalah sebanyak RM129.60 setiap pekerja asing yang diinsuranskan termasuk semua fi dan Cukai Perkhidmatan 8%. Premium pembaharuan tidak terjamin dan mungkin tertakluk kepada pelarasan dengan kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan dengan mengambil kira nisbah kerugian dan sebarang faktor-faktor lain yang mungkin menjejaskan kemampuan skim.

5. Apakah kos dan caj yang saya perlu bayar?

JENIS	AMAUN
Cukai Perkhidmatan	8% dari premium
Duti Setem	Bayaran sebanyak RM 10 perlu dibuat sebagai tambahan kepada premium untuk setem duti.
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (Jika ada)	10% dari RM105 (premium tahunan dari semua fi) akan ditolak sebagai Komisen

6. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui ?

Kontrak Insurans Komersial

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk memberi manfaat insurans perubatan kepada pekerja, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan, dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Wilayah Geografi

- Semua manfaat yang dinyatakan di sini adalah terpakai di dalam Malaysia sahaja 24 jam sehari. Perlindungan terhenti sebaik sahaja Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan Malaysia dan bersambung semula sekembalinya Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia.

Had Manfaat

- Semua manfaat yang disediakan di dalam Polisi ini adalah hanya berbayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat.

Tempoh Ihsan

- Ini adalah polisi Tunai Sebelum Perlindungan. Meskipun terdapat syarat Tunai Sebelum Perlindungan, tempoh Ihsan selama empat belas (14) hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang premium setelah Tahun Polisi pertama. Dalam tempoh selama empat belas (14) hari tersebut, Syarikat akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, premium telah dibayar. Sekiranya sebarang premium berkaitan dengan Polisi Kontrak ini tidak berbayar sebelum tarikh tamat tempoh ihsan, Polisi Kontrak ini dianggap sebagai terbatal pada tarikh luput polisi ini.
- Lindungan berhenti dari masa pekerja asing itu meninggalkan Malaysia dan bersambung semula apabila kepulangannya ke Malaysia.

Nota: Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat lengkap di bawah polisi ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi mana-mana penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disebabkan oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

- Pembedahan plastik/kosmetik;
- Rawatan pergigian atau pembedahan oral;
- Rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan;
- Kehamilan atau keguguran;
- Rawatan yang tidak memerlukan keperluan perubatan;
- Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman;
- Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan atau sukan berbahaya;
- Penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang berlaku dalam masa seratus dua puluh (120) hari pertama insurans Orang Yang Diinsuranskan;
- Penyakit sedia ada kecuali sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah lulus pemeriksaan perubatan serta telah disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam masa 30 hari ketibaan Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia.

Nota: Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini

8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda (Pemegang Polisi) boleh membatalkan polisi ini bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Di atas pembatalan tersebut, anda layak menerima bayaran balik premium seperti jadual di bawah, dengan syarat anda tidak pernah membuat tuntutan semasa tahun polisi semasa.

Tempoh Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium Tahunan
15 hari	90%
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi saya?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan mengenai maklumat anda untuk memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Bagaimana kemukakan aduan dan tebus rugi yang ada?

Jika anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan kami atau anda tidak puas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda boleh menulis atau menelefon Unit Aduan kami untuk menyelesaikan perkara tersebut. Sekiranya anda masih tidak puas hati dengan keputusan kami, anda boleh juga tujukan aduan anda kepada sama ada:-

Bank Negara Malaysia
Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK)
 Tingkat 4, Podium Bangunan AICB,
 No. 10, Jalan Dato' Onn,
 50480 Kuala Lumpur
 Tel: 1-300-88-5465
 Fax: 03-2174 1515
 URL: bnm.gov.my/BNMLINK
 SMS: 15888

Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)
Tingkat 14, Blok Utama
 Menara Takaful Malaysia
 No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
 50000 Kuala Lumpur.
 Tel: 03-2272 2811
 Fax: 03-2274 5752
 E-mail: pertanyaan@fmb.org.my
 Website: www.fmos.org.my

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**NOTA PENTING:**

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA DAN PREMIUM YANG DIKENAKAN ADALAH MAMPU DIBAYAR. ANDA HENDAKLAH BACA DAN FAHAM TENTANG POLISI INSURANS TERSEBUT DAN MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Keterangan yang terdapat di dalam lembaran pendedahan ini cuma penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat yang tepat yang diperlukan terkandung di dalam kontrak polisi.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai insurans perubatan dan kesihatan atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami: www.progressiveinsurance.com.my

PROGRESSIVE INSURANCE BHD (197401001891) (19002-P)

HEAD OFFICE	6 th , 9 th & 10 Floor, Menara Cosway, Plaza Berjaya, No. 12, Jalan Imbi, 55100 Kuala Lumpur, P.O. Box 10028, 50700 Kuala Lumpur.	Tel: +603-2118 8000	Fax: +603-2118 8098
KOTA KINABALU	Ground & 7 th Floor, Wisma Perkasa, Jalan Gaya, P.O. Box 13936, 88845, Kota Kinabalu, Sabah.	Tel: +6088-244 216	Fax: +6088-218 004
KUCHING	Sublot 11 & 12, Lots 9966 & 9967, First Floor, Premium 101, Jalan Tun Jugah, 93350 Kuching, P.O. Box 2749, 93754 Kuching, Sarawak.	Tel: +6082-572 019	Fax: +6082-572 013
SANDAKAN	1 st Floor, Lot 1, Block 3, Bandar Indah, Mile 4, North Road, 90000 Sandakan, Sabah	Tel: +6089-238 810	Fax: +6089-237 709
JOHOR BAHRU	No. 17-01, Jalan Kebun Teh 1, Pusat Perdagangan Kebun Teh, 80250 Johor Bahru, Johor.	Tel: +607-227 0992	Fax: +607-227 0996
BUTTERWORTH	2755, Ground & 1 st Floor, Jalan Chain Ferry, Taman Inderawasih, 13600 Prai, Seberang Prai Tengah, Penang.	Tel: +604-397 7128	Fax: +604-397 7126
MELAKA	13-A, Jalan Melaka Raya 24, Taman Melaka Raya, 75000 Melaka.	Tel: +606-288 3831	Fax: +606-288 3832
ALOR SETAR	No. 223, Tingkat Dua, Jalan Gangsa, Taman Perindustrian Ringan Kristal, 05150 Alor Setar.	Tel: +604-7339846	Fax: +604-7339691

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

Informasi yang disediakan dalam Helaian Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada 01.01.2026